# NIOSH UPDATES

Issue 22, Volume 11, 2018


## WORK PERMIT SYSTEM FOR SAFETY

**26 DECEMBER 2018 @**
**NIOSH BANDAR BARU BANGI**




**Makanan ringan memudaratkan**
**Jantung, Diabetes dan Darah Tinggi**



# WORK PERMIT SYSTEM FOR SAFETY




A **safe work permit** is document that identifies the **work** to be done, the hazard(s) involved, and the precautions to be taken. It ensures that all hazards and precautions have been considered before **work** begins. The aim of permit to work system is to ensure that the task is carried out in accordance with the carefully considered conditions specified in a permit drawn up and independently verified by competent individuals.



## 26 DECEMBER 2018 @

## NIOSH BANDAR BARU BANGI

**Join the Seminar for better understanding:-**

- ✓ Lack of discipline in our PTW system
- ✓ Adequacy of PTW system unchecked
- ✓ Inadequate identification of potential hazards in permits
- ✓ Isolation of plant, electrical equipment and others are dealt with poorly
- ✓ Inadequate handling of hand-back process
- ✓ Permit form design not thoroughly thought out.

**Target Audiences:**

- ✓ Safety officers
- ✓ OSH Professionals
- ✓ Plant Manager, Heads of Organizations
- ✓ Line Manager in Production, Construction maintenance
- ✓ Safety Manager

**ONLINE Registration at http://www.niosh.com.my**

***For more information, please contact the secretariat :***
Phone: 03-8911 3877/ 3889 (Ms. Halimatulsaadiah)
F : 03-8926 56551    Email : seminar@niosh.com.my

***Register Now!***

| | |
|---|---|
| *Date* | *: 26 DECEMBER 2018* |
| **Fee** | **: RM 100.00** |
| Certificate | : Yes |
| **Registration** | **: Online System / www.niosh.com.my** |
| **Payment** | **:** Cash Upon Registration |

# WORK PERMIT SYSTEM FOR SAFETY



## 26 DECEMBER 2018 @ NIOSH BANDAR BARU BANGI

| NO | PROGRAME | TIME | TRAINER | DURATION |
|---|---|---|---|---|
| 1 | **REGISTRATION** | 08:30 – 09:00 | | 30 M |
| 2 | COURSE INTRODUCTION – SHARING PERMIT TO WORK RELATED INCIDENT | 09:00-10:00 | ZULKARNAIN MOHD SAID | 1 H |
| 3 | **TEA BREAK** | 10:00 – 10:30 | | 30 M |
| 4 | PERMIT TO WORK FUNDAMENTAL | 10:30 – 11:00 | " | 30 M |
| 5 | PERMIT TO WORK RELATED VIDEO | 11:30 – 12:30 | " | 1 H |
| 6 | SHARING INSIGHT ON THE VIDEO | 12:30 – 13:00 | " | 30 M |
| 7 | **LUNCH** | 13:00 – 14:00 | | 1 H |
| 8 | THE ESSENTIAL OF PTW CONTENT, HOW TO DESIGN AND FILL PTW FORM EFFECTIVELY | 14:00 – 15:00 | " | 1 H |
| 9 | PTW WORKSHOP | 15:00 – 15:30 | " | 30 M |
| 10 | INTRODUCTION TO JHA (JOB HAZARD ANALYSIS) AND JMS (JOB METHOD STATEMENT) | 15:30 – 16:15 | " | 45 M |
| 11 | HOW TO DEVELOP JHA | 16:15 – 16:30 | " | 30 M |
| | JHA CASE STUDY | 16:30 - 1700 | " | 30 M |
| 12 | **TEA BREAK / CERTIFICATE** | 17:00 | | 30 M |

# Makanan ringan memudaratkan Jantung, Diabetes dan Darah Tinggi

LAMBAKAN pelbagai jenis produk makanan ringan dalam pasaran mendedahkan bahaya kepada pengguna. Pengambilan makanan ringan secara berterusan memberi mudarat kepada kesihatan.

Ramuan yang terkandung dalam makanan tambahan ini lazimnya mempunyai kandungan gula dan berlebihan selain bahan perasa tiruan meninggalkan tidak menyihatkan.

Kandungan tinggi kalori yang terdapat dalamnya juga boleh memudaratkan. Kajian National Institutes of Health, Amerika Syarikat mendapati, pengguna berhadapan risiko serangan penyakit berbahaya dengan mengambil makanan ringan secara berterusan.

Penyelidikan membuktikan kesannya terhadap kesihatan termasuk risiko serangan jantung, kencing manis, darah tinggi dan masalah berat badan berlebihan atau diabetes.

# Makanan ringan memudaratkan Jantung, Diabetes dan Darah Tinggi




Piramid Makanan

# Makanan ringan memudaratkan
# Jantung, Diabetes dan Darah Tinggi

## Risiko Penyakit



Diabetes




Sistem Pernafasan



Kesihatan otak



Kesihatan otak



Kulit dan tulang

# Makanan ringan memudaratkan Jantung, Diabetes dan Darah Tinggi

## Ramuan bahayakan kesihatan:

- Perasa tiruan atau MSG, pengambilan MSG dengan kerap menyebabkan penyakit kanser
- Lemak tinggi, lebihan lemak ini ganggu tumpuan dan jejaskan fungsi otak.
- Mengandungi pengawet, utama obesiti dan ganggu fungsi organ dalaman tubuh.
- Tinggi kalori, risiko tinggi serangan penyakit jantung, obesiti dan darah tinggi.
- Bahan sintetik mengandungi bahan kimia berbahaya

## *Risiko penyakit:*

- Diabetes
- Sistem pernafasan
- Kesihatan otak
- Kulit dan tulang
- Masalah gigi

*Sumber: https://www.bharian.com.my/node/173945*

BOOK REVIEW

# Human and Organizational Factors in Nuclear Safety: The French Approach to Safety Assessments

by Gregory Rolina (Author)



This book discusses the specifics of safety regulations regarding nuclear risk and how experts contribute to the safety of nuclear installations. Drawing on research conducted in collaboration with the French Institute for Radiological Protection and Nuclear Safety (IRSN), the ideas that are put forward rely on a review of the practices of specialists in human and organizational factors concerning nuclear safety. The author shows that the French approach depends on maintaining a technical dialogue between the regulatory authority (ASN), IRSN and nuclear operators. This method of risk management is known as "French cooking" in the Anglo-Saxon world, where a more formal regulatory approach is taken. This technical dialogue does however hold certain benefits, particularly in the field of human and organizational factors, where it allows an advancement of the state of knowledge, which remains incomplete. After the Fukushima accident, in the face of an ongoing European and global re-evaluation of the safety of nuclear power and alignment towards the Anglo-Saxon standard, the French cooking approach may yet be able to make a significant contribution. This work will be of interest to all involved in nuclear power engineering and in the field of risk management and nuclear safety.




*Includes a preface by Jacques Repussard, Director General, IRSN, France, and a postface by Erik Hollnagel, Professor, Institute of Regional Health Research, University of Southern Denmark / Chief Consultant, Centre for Quality, Region of Southern Denmark.*

BOOK REVIEW

# Human and Organizational Factors in Nuclear Safety: The French Approach to Safety Assessments



by Gregory Rolina (Author)

**Editorial Reviews**

*About the Author*

Dr. Grégory Rolina is an international consultant in nuclear safety. He has cooperated with several nuclear safety regulatory authorities and operators worldwide. More recently, he implemented safety culture projects, as an expert for the IAEA. He is currently carrying out research at the Scientific Management Centre of Mines ParisTech in France, where he also teaches.




**Product details**

**Hardcover:** 294 pages
**Publisher:** CRC Press; 1 edition (August 30, 2013)
**Language:** English
**ISBN-10:** 1138000353
**ISBN-13:** 978-1138000353
**Product Dimensions:** 6.2 x 0.9 x 9.2 inches
**Shipping Weight:** 1.3 pounds (View shipping rates and policies)
**Average Customer Review:** *3.3 out of 5 stars* 4 customer reviews
**Amazon Best Sellers Rank:** #13,100,027 in Books (See Top 100 in Books)
#607 in Books > Engineering & Transportation > Engineering > Chemical > **Plant Design**
#2097 in Books > Engineering & Transportation > Engineering > Energy Production & Extraction > **Nuclear**
#4564 in Books > Engineering & Transportation > Engineering > Industrial, Manufacturing & Operational Systems > **Health & Safety**

***Book for reference only : More details of this book, please refer NIOSH Library and to browse list of collection please visit; http://www.niosh.com.my*

# Newspaper Cutting

**Headline** : **Petugas media perlu tahu, ambil berat risiko kerjaya**
**Publication** : Berita Harian
**Date** : 16 November 2018
**Page** : 70

## Petugas media perlu tahu, ambil berat risiko kerjaya

BH 70 16/11/18

Di sebalik tugas yang mencabar dan berisiko tinggi, ramai petugas media masih tidak mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang mencukupi mengenai Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP).

Berdasarkan maklum balas yang diperolehi Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH), amalan KKP yang baik dalam kalangan warga media masih berada di tahap minimum dan banyak yang perlu dilakukan bagi meningkatkan kesedaran mereka mengenai aspek KKP.

Lebih mendukacitakan apabila pihak majikan menganggap aspek KKP ini sebagai isu remeh-temeh dan tidak bersungguh-sungguh untuk menjadikan ia sebagai amalan di organisasi media masing-masing.

Amat malang apabila ada di antara pihak pengurusan atasan yang menyatakan dengan perasaan bangga bahawa 'wartawan dan jurukamera kami masih sihat dan selamat' walaupun mereka tidak mengikuti sebarang program KKP berkaitan.

Insiden tragis yang membabitkan jurukamera BERNAMA TV, Noramfaizul Mohd Nor yang meninggal dunia semasa bertugas membuat liputan di Somalia pada 2011 serta kes pembunuhan warga Korea Utara menggunakan racun VX pada bulan Februari 2017 menunjukkan kepentingan KKP dalam kalangan petugas media.

**Urus risiko**

Setiap petugas media di Malaysia perlu dididik cara untuk menyesuaikan diri dengan semua situasi serta kaedah terbaik bagi mereka menguruskan risiko semasa membuat tugasan.

Ekoran insiden yang meragut nyawa arwah Noramfaizul, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Kementerian Sumber Manusia memperkenalkan Garis Panduan untuk Profesional Media berkaitan dengan amalan kerja yang selamat.

Garis panduan yang bertindak sebagai prosedur kerja selamat (SOP) ini membolehkan kakitangan media dilengkapi maklumat apabila menjalankan liputan media dalam zon berbahaya dan persekitaran yang boleh mendatangkan risiko kemalangan.

Organisasi media dan majikan harus menyedari bahawa empat faktor utama yang menjustifikasikan pengurusan KKP ialah tanggungjawab sosial syarikat, kewajipan sosial dan moral, kriteria perniagaan yang baik dan kewajipan undang-undang.

Pengurusan KKP yang baik ialah bahagian integral dari sistem pengurusan syarikat yang baik secara keseluruhan. Menguruskan KKP tidak hanya penting untuk daya saing perniagaan tetapi juga menjamin kesejahteraan tenaga kerja.

> Tugas wartawan untuk melaporkan berita, dan bukan untuk menjadi bahan berita. Seorang wartawan yang meletakkan dirinya dalam keadaan yang berisiko dan sia-sia serta berkelakuan dengan cara yang tidak profesional, akhirnya tidak akan dapat melaporkan berita atau menunjukkan gambar yang perlu dilihat"

Organisasi media juga perlu diingatkan bahawa mereka turut tertakluk di bawah Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHA) 1994 menyatakan tanggungjawab majikan untuk menyediakan latihan cara kerja selamat kepada semua pekerja mereka.

Kemajuan teknologi komunikasi meningkatkan permintaan bagi mendapatkan maklumat terkini dan organisasi media sering bersaing di antara satu sama lain untuk menghantar berita terkini.

Kod Antarabangsa Amalan Perlakuan Selamat bagi bidang kewartawanan menyatakan bahawa profesional media mesti dimaklumkan mengenai politik, fizikal dan sosial di kawasan mereka bekerja.

Mereka juga perlu dilengkapi dengan alat pertolongan cemas, alat komunikasi, kemudahan pengangkutan yang mencukupi serta pakaian perlindungan jika perlu ketika keluar melakukan tugasan.

**Risiko tinggi**

Dalam kebanyakan kes, wartawan dan jurugambar mungkin tidak sedar akan bahaya yang bakal mereka hadapi ketika bertugas di tempat kejadian seperti kebakaran, banjir, letupan kimia, tanah runtuh dan sebagainya.

Wartawan dan jurugambar perlu ditawarkan latihan, terutamanya di lokasi pemberitaan yang berisiko tinggi. Mereka juga perlu diberi maklumat dan dimaklumkan mengenai risiko terhadap kesihatan dan keselamatan mereka, manakala peralatan perlindungan peribadi yang berkualiti juga perlu disediakan.

Menurut Pertubuhan Buruh Antarabangsa, banyak lagi yang perlu dilakukan oleh pertubuhan media untuk melindungi kakitangan mereka. Perkara yang perlu diberi penekanan ialah persediaan yang cukup oleh wartawan dan media sebelum melakukan tugasan.

Pendidikan dan latihan KKP sangat penting dan organisasi media harus melihat latihan sebagai pelaburan dan bukan perbelanjaan dan bebanan.

Tugas wartawan untuk melaporkan berita dan bukan untuk menjadi bahan berita. Seorang wartawan yang meletakkan dirinya dalam keadaan yang berisiko dan sia-sia serta berkelakuan dengan cara yang tidak profesional, akhirnya tidak akan dapat melaporkan berita atau menunjukkan gambar yang perlu dilihat.

**Tan Sri Lee Lam Thye**
Kuala Lumpur

**Headline** : **Peka keselamatan petugas media**
**Publication** : Kosmo
**Date** : 18 November 2018
**Page** : 18

NIOSH dapati amalan KKP dalam organisasi berkenaan masih rendah

# Peka keselamatan petugas media

Oleh NUR HUDA MUSA

KAJANG – Petugas media perlu mengetahui hak mereka dalam mendapatkan perlindungan semasa bekerja seperti yang telah dinyatakan dalam Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994.

Ini kerana aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP) penting bagi menjamin keselamatan golongan berkenaan semasa bertugas.

Pengerusi Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH), Tan Sri Lee Lam Thye berkata, sehubungan itu perlu bagi organisasi media serta warga kerja mereka mengambil berat perkara tersebut.

Menurut beliau, petugas media perlu menghadapi pelbagai cabaran semasa melaksanakan tugasan antaranya pencemaran, bencana alam, penyakit berbahaya dan masalah mental.

"Persekitaran kerja yang berubah-ubah juga berisiko menimbulkan pelbagai masalah kesihatan seperti tekanan perasaan dan kemurungan.

"Sebab itu majikan perlu meneliti aspek KKP termasuk memberi latihan yang bersesuaian," ujarnya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas merasmikan Program KKP Untuk Pengamal Media di ibu pejabat NIOSH di sini semalam.

Program sehari itu melibatkan seramai 20 petugas pelbagai agensi media.

Mengulas lanjut, Lam Thye menyeru organisasi media untuk merujuk garis panduan amalan kerja yang selamat seperti yang dikeluarkan oleh kerajaan.

Katanya, ini termasuk mengamalkan konsep pengenalan bahaya, penilaian risiko dan kawalan risiko.

"Sehingga kini, maklum balas yang diperoleh oleh pihak NIOSH mendapati amalan KKP yang baik dalam kalangan petugas media masih di tahap minimum," katanya.



LAM THYE (berdiri di tengah) melihat demonstrasi rawatan kecemasan selepas merasmikan Program KKP Untuk Pengamal Media di Kajang semalam.

Newspaper Cutting

| | | |
|---|---|---|
| **Headline** | : | **Pembantu rumah wajib daftar, carum perkeso** |
| **Publication** | : | Harian Metro |
| **Date** | : | 27 November 2018 |
| **Page** | : | 27 |

Kuala Lumpur

HM 27
27/11/18

# Pembantu rumah wajib daftar, carum perkeso

Semua pekerja warga asing, tempatan dan pemastautin tetap yang bekerja sebagai pembantu rumah diwajibkan berdaftar dan mencarum dengan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) berkuatkuasa 1 Januari ini.

Menteri Sumber Manusia M Kulasegaran berkata, kerajaan bersetuju memutuskan semua pembantu rumah yang dinyatakan itu mesti dilindungi di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja, 1969 (Akta 4).

Katanya, walaupun pembantu rumah itu mempunyai perlindungan insurans lain sebelum tarikh kuat kuasa bermula, mereka tetap diwajibkan mendaftar dan mencarum dengan PERKESO.

"Pembantu rumah warga asing, tempatan dan pemastautin tetap juga akan dilindungi oleh Skim Bencana Pekerjaan di bawah Akta 4.

"Kadar caruman pekerja asing dan pembantu rumah pula adalah 1.25 peratus daripada gaji bulanan pekerja yang dibayar oleh majikan sebagaimana dinyatakan dalam Jadual Ketiga, Akta 4 (Perkara 4 – Caruman Jenis Kedua iaitu Skim Bencana Pekerjaan)," katanya.

Newspaper Cutting

**Headline** : **Pekerja penyelenggaraan elektrik kritikal selepas disambar api dalam kebakaran**
**Publication** : Kosmo
**Date** : 25 November 2018
**Page** : 02

# Pekerja penyelenggaraan elektrik kritikal selepas disambar api dalam kebakaran

**SEREMBAN** – Seorang pekerja penyelenggaraan elektrik parah akibat disambar api dalam kejadian kebakaran sebuah bilik salur elektrik di tingkat dua Wisma Punca Emas di sini semalam.

Dalam kejadian kira-kira pukul 1 petang itu, mangsa yang berusia dalam lingkungan 50-an disambar api apabila dia membuka pintu bilik salur elektrik itu untuk melakukan kerja-kerja penyelenggaraan.



AH MING

Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Sembilan, Norazam Khamis berkata, kejadian itu menyebabkan anggota badan mangsa lelaki tersebut melecur 80 peratus.

"Kami terima maklumat pada pukul 1.15 petang dan mendapati seorang lelaki sedang terbaring di hadapan bilik salur elektrik itu apabila tiba di lokasi.

"Mangsa didapati berada dalam keadaan kritikal sebelum kami bergegas menghantarnya ke Hospital Tuanku Ja'afar (HTJ) Seremban untuk menerima rawatan. Api telah padam pada waktu itu," katanya ketika dihubungi *Kosmo! Ahad* di sini semalam.

Norazam berkata, pemeriksaan lanjut mendapati bilik salur elektrik di tingkat bawah Wisma Punca Emas itu turut terbakar, namun punca kebakaran bilik salur elektrik tersebut masih dalam siasatan.

Menurutnya, siasatan bagaimanapun mendapati keadaan bangunan tersebut adalah selamat untuk diduduki kerana kebakaran tidak menjejaskan struktur bangunan.

Sementara itu, seorang pekerja di bangunan itu, Asputi Supardi, 46, berkata, sebelum kejadian dia terserempak dengan mangsa yang tergesa-gesa menuju ke arah bilik salur elektrik.

Menurutnya, dia kemudian mendakwa terdengar bunyi letupan kuat sebelum ruang di tingkat dua bangunan berkenaan diselubungi asap hitam.

Katanya, dia mengenali mangsa yang dipanggil Ah Ming kerana mereka diberikan tempat tinggal oleh majikan di bangunan itu sejak 18 tahun lalu.



INILAH tempat seorang pekerja penyelenggaraan melecur dalam kebakaran di sebuah bilik salur elektrik di Wisma Punca Emas, Negeri Sembilan semalam.

Newspaper Cutting

**Headline** : **SOCSO for foreign workers**
**Publication** : New Straits Times
**Date** : 22 November 2018
**Page** : 14

CABINET DECISION

# SOCSO FOR FOREIGN WORKERS

## They will get social security protection from Jan 1

AZURA ABAS
**PUTRAJAYA**
cnews@nstp.com.my

THE cabinet has decided to provide social security protection for foreign workers under the Social Security Organisation (Socso) effective Jan 1.

Human Resources Minister M. Kulasegaran said this was in line with the Equality of Treatment (Accident Compensation) Convention 1925 (No. 19) and Conference Committee on the Application of Standard under the International Labour Organisation (ILO), which Malaysia had ratified.

> *Employers can go to any Socso's 54 offices... to register their foreign workers.*
>
> **M. KULASEGARAN**
> Human resources minister

"Employers who hire foreign workers with valid documents, including expatriates, must register their employees with Socso and contribute to the Employment Injury Scheme under the Employees' Social Security Act 1969 (Act 4).

"Benefits under the Employment Injury Scheme include medical benefit, temporary disablement benefit, permanent disablement benefit, constant-attendance allowance, dependants' benefit and rehabilitation, as well as RM6,500 repatriation cost, including funeral," he said in a statement.



However, he said foreign workers would not be covered by the Invalidity of the Pension Scheme under Act 4.

"Employers can go to any Socso's 54 offices throughout the country, including Sabah and Sarawak, to register their foreign workers.

"The ministry, together with Socso, will conduct engagements with stakeholders soon," he said.

Malaysia was reported to be home to 2.2 million foreign workers last year, with most of them hired in the agriculture and construction sectors.

"The State of Households 2018: Different Realities" report published by Khazanah Research Institute noted that last year, the two sectors employed 40.5 per cent of foreign workers, although a sizeable number of them — 35.9 per cent — were employed in the services sector, while the remaining 23 per cent in manufacturing.

Newspaper Cutting

| | | |
|---|---|---|
| **Headline** | : | **Tragedi darah di kota Seoul** |
| **Publication** | : | Harian Metro |
| **Date** | : | 23 November 2018 |
| **Page** | : | 7 |

# Tragedi darah di kota Seoul

**■ *Rakyat Malaysia bertarung nyawa separuh badan hancur dikisar di Korea Selatan***

Suraya Roslan
surayaroslan@hmetro.com.my

**Kuala Lumpur**

"Saya berharap rakyat Malaysia dapat doakan pembedahan kedua Daniel Arif berjaya dan dia diberikan kekuatan serta kesembuhan oleh Allah SWT," kata seorang lelaki yang mahu dikenali sebagai Shahir, 25, rakan baik kepada rakyat Malaysia, Daniel Arif Ahmad Fuad, 21, yang bertarung nyawa selepas separuh badannya bermula dari pangkal paha ke bawah hancur dikisar mesin pengisar sampah di sebuah kilang kitar semula di Samseong, Seoul, Korea Selatan, Isnin lalu.

Menurutnya, Daniel Arif kini dirawat di Hospital Suwon Ajudae, Seoul dan perlu menjalani pembedahan kedua untuk memotong pangkal paha akibat jangkitan kuman.

"Doktor memberitahu pembedahan berkenaan berisiko kehilangan nyawa dan saya mohon orang ramai mendoakan Daniel Arif diberikan kesembuhan segera.

"Kami menunggu kedatangan ibu bapa Daniel Arif yang dijangka tiba pagi esok (hari ini) untuk tandatangan borang izin pembedahan," katanya ketika dihubungi menerusi WhatsApp, semalam.

Menceritakan tragedi itu, Shahir berkata, rakannya yang berasal dari Pulau Pinang tiba di Korea Selatan September lalu untuk bercuti sebelum mereka mengambil keputusan bekerja di sebuah kilang.

"Kami baru bekerja sebulan di kilang berkenaan. Isnin lalu kira-kira jam 3 petang, mesin pengisar sampah tersangkut menyebabkan Daniel Arif terpaksa mengorek sampah yang melekat di mesin bagi membolehkan ia beroperasi semula.

"Ketika kejadian, mesin sudah ditutup dan Daniel Arif diarahkan mengorek sampah dari dalam manakala yang lain berusaha memperbaikinya.

"Namun tidak tahu bagaimana selepas sejam lebih, mesin berkenaan berjalan sendiri walaupun sudah ditutup menggunakan alat kawalan jauh menyebabkan separuh badan Daniel Arif dikisar dari paha hingga ke kaki.

"Menyedari kejadian itu, penyelia di kilang terus berlari dan menekan suis kecemasan untuk menghentikan mesin berkenaan sebelum menghubungi ambulans.

"Selepas ambulans tiba, bomba dan pihak hospital terpaksa mengambil masa lebih dua jam untuk memotong kaki Daniel Arif sebelum dia dikeluarkan dan ketika itu, dia berada dalam keadaan separa sedar," katanya.

Orang ramai yang ingin menghulurkan sumbangan boleh berbuat demikian dengan menyalurkannya ke akaun ibu mangsa, Zainah Mohamad di Maybank 157090003447.





DANIEL Arif bertarung nyawa selepas separuh badannya hancur dikisar mesin pengisar sampah di sebuah kilang kitar semula di Samseong, Seoul, Korea Selatan.

Newspaper Cutting



www.facebook.com/nioshmalaysia www.twitter.com/nioshmalaysia

| | | |
|---|---|---|
| **Headline** | : | **Maut kepala tersepit buaian OKU** |
| **Publication** | : | Kosmo |
| **Date** | : | 26 November 2018 |
| **Page** | : | 03 |

Remaja perempuan temui ajal sewaktu beriadah di taman permainan Kepong

KOSMO 3 26/11/18

# Maut kepala tersepit buaian OKU

Oleh MALINDA ABDUL MALIK

**KUALA LUMPUR** – Permulaan cuti sekolah buat sebuah keluarga berakhir dengan tragedi apabila anak perempuan mereka maut selepas kepalanya tersangkut pada besi buaian orang kelainan upaya (OKU) di Taman Metropolitan Kepong di sini kelmarin.



LEELAWATHY

Kejadian berlaku pada pukul 6.20 petang ketika mangsa, B. Leelawathy, 15, sedang bermain buaian besi itu bersama ahli keluarganya sebelum kepalanya tiba-tiba tersangkut di celah-celah besi berkenaan.

Mangsa bagaimanapun bukan OKU.

Ketua Polis Daerah Sentul Asisten Komisioner C. Shanmugamoorthy berkata, pihaknya menerima maklumat berhubung kejadian itu pada pukul 6.30 petang.

"Mangsa dikatakan sedang bermain buaian di lokasi kejadian sebelum kepalanya tiba-tiba tersangkut pada besi berkenaan.



PIHAK DBKL memasang pita bagi menghalang kanak-kanak lain menggunakan buaian OKU di Taman Metropolitan Kepong, Kuala Lumpur malam kelmarin.

"Kejadian itu menyebabkan pendarahan pada hidung dan telinga mangsa. Mangsa berjaya dikeluarkan daripada besi itu dengan bantuan orang ramai," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Menurutnya, susulan itu, mangsa dibawa ke Hospital Selayang untuk rawatan lanjut sebelum disahkan maut.

"Mangsa disahkan meninggal dunia oleh doktor bertugas di hospital berkenaan pada pukul 7.30 malam.



LEELAWATHY maut selepas kepalanya tersepit di celah-celah palang besi sewaktu bermain buaian OKU di Taman Metropolitan Kepong, Kuala Lumpur malam kelmarin.

"Siasatan lanjut berhubung kes itu masih diteruskan dan bedah siasat terhadap mayat mangsa akan dilakukan hari ini (semalam) bagi mengenal pasti punca kematian," ujarnya.

Sementara itu, seorang peniaga di Taman Metropolitan, Azwan Manan, 40, yang merupakan saksi awal kejadian berkata, darah berlumuran keluar dari mulut mangsa yang rebah di dalam kotak buaian itu.

**INFO** Cedera di taman permainan

**25 Ogos 2018** – Seorang kanak-kanak perempuan warga China cedera selepas terjatuh dari palang di taman permainan di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, Kuala Lumpur

**26 Julai 2017** – Seorang kanak-kanak perempuan terpaksa menerima tujuh jahitan pada mukanya akibat terjatuh di sebuah taman permainan di Taman Bukit Teratai, Ampang, Selangor

"Salah seorang orang awam yang berada di kejadian memberikan bantuan resusitasi kardiopulmonari kepada mangsa, sebelum keluarganya datang dan membawanya ke hospital," katanya kepada *Kosmo!* ketika ditemui di lokasi kejadian semalam.

Menurut seorang peniaga yang ingin dikenali sebagai Amy Kor, kejadian yang sama pernah menimpa anak lelakinya tiga tahun lepas ketika kanak-kanak itu berusia tujuh tahun.

"Dalam kejadian tiga tahun lepas, anak saya tidak mampu berjalan selama lapan bulan selepas kakinya retak akibat tersepit pada buaian berkenaan," katanya sambil menambah pihak berwajib perlu memantau agar kejadian yang sama tidak berulang lagi.

*Newspaper Cutting*

| | | |
|---|---|---|
| **Headline** | : | **Keganasan di tempat kerja serius** |
| **Publication** | : | Komso |
| **Date** | : | 23 November 2018 |
| **Page** | : | 12 |

Penjawat awam wanita jadi mangsa enggan buat aduan bimbang jejas laporan prestasi

# Keganasan di tempat kerja serius

KOSMO V2 23/11/18




RAZALI (kanan) dan Pengarah Pejabat Pembangunan Wanita Negeri Sembilan, Ruzana Sager Ahmad (tiga dari kiri) bergambar bersama peserta seminar di Port Dickson semalam.

PORT DICKSON – Terdapat penjawat awam wanita mangsa keganasan di tempat kerja enggan melaporkan kejadian itu kerana bimbang tindakan itu boleh menjejaskan Laporan Nilaian Prestasi Tahunan (LNPT) dan penilaian Sasaran Kerja Tahunan (SKT) mereka.

Perkara itu didedahkan Setiausaha Kewangan Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS), Razali Singah.

Beliau memberitahu, jumlah kes keganasan terhadap wanita di tempat kerja agak membimbangkan dan boleh menjadi lebih serius sekiranya tiada inisiatif diambil untuk mengatasinya.

"Sebagai contoh gangguan seksual, gangguan libatkan bos, rakan sekerja dan sebagainya. Mereka takut untuk lapor kerana bimbang penilaian prestasi kerja akan terjejas, akhirnya mereka diam, pendam dan kemurungan.

"Ini agak membimbangkan dan sekiranya tiada langkah diambil untuk diatasi, dikhuatiri ia akan menjadi barah," katanya selepas majlis perasmian Seminar Peningkatan Kualiti Penjawat Awam dan Kempen Menangani Keganasan Terhadap Wanita Peringkat Negeri Sembilan 2018 di sini semalam.

Razali berkata, sebagai usaha menangani kejadian keganasan terhadap wanita, lebih banyak kempen atau ceramah perlu diadakan agar mereka lebih berani untuk melaporkan sesuatu kejadian yang dialami.

"Saya juga sarankan agar penjawat awam wanita ini menyertai kesatuan pekerja mengikut sektor mereka atau berhubung dengan rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam supaya mereka boleh jadikan tempat untuk mengadu," ujarnya. – Bernama

Newspaper Cutting

| | |
|---|---|
| **Headline** | **: Perjuangan tanpa noktah Lee Lam Thye** |
| **Publication** | : Utusan Malaysia |
| **Date** | : 27 November 2018 |
| **Page** | : 17 |

# Perjuangan tanpa noktah Lee Lam Thye

UM 27/11/18



Zuhayati Yazid

MELIHAT susuk tubuhnya tidak menyangka usianya bakal menginjak ke angka 73 tahun bulan depan. Namun, beliau masih aktif dan bergerak cerdas. Jika individu lain, waktu-waktu bersisa ini semestinya diisi dengan menghabiskan masa di rumah bersama keluarga.

Situasi tersebut berbeza dengan Tan Sri Lee Lam Thye. Walaupun telah hampir 29 tahun meletak titik noktah dalam dunia politik, namun masih bergiat cergas dalam aktiviti kemasyarakatan dan sanggup turun padang.

Mana tidaknya, aktivis masyarakat itu sanggup merantau ke pedalaman di Sarawak semata-mata untuk mengagihkan bantuan kepada anak-anak yang kurang berkemampuan di kawasan tersebut.

Bukan itu sahaja, anak-anak miskin jauh di pedalaman Kelantan turut disantuni. Kegigihan beliau mendekati masyarakat perlu disanjung kerana belum tentu individu lain yang sanggup membuat kerja-kerja kebajikan seumpama itu jika tidak lagi berkhidmat sebagai wakil rakyat.

Mengimbau kembali di zaman kanak-kanaknya, Lam Thye berkata, beliau dilahirkan dalam keluarga yang sederhana; bapanya adalah tukang besi di pekan Ipoh, Perak manakala ibunya hanya bekerja mencuci kain di kedai dobi.

Keperitan yang dilalui di zaman muda itu membuatkan beliau bertekad untuk mengubah kehidupannya dan tidak mahu generasi muda hari ini merasai keperitan hidup seperti yang pernah dilaluinya.

Tegas beliau, tiada istilah sebat atau bersara meskipun tidak lagi berkecimpung dalam dunia politik. Baginya kerja-kerja menjaga kebajikan rakyat lebih utama selain memberi fokus kepada pelbagai isu yang melingkari kehidupan semua rakyat di negara ini.

"Biarpun tidak lagi aktif sebagai ahli politik, namun hubungan dengan rakan-rakan seperjuangan tetap dihormati, cuma kini saya lebih mengutarakan hal-hal kebajikan," kata Pengerusi Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) itu kepada Utusan Malaysia baru-baru ini.

Sepanjang mengemudi entiti yang memperjuangkan keselamatan dan kesihatan pekerja itu sejak 1994, banyak pembaharuan yang dilakukan dan berharap institut itu dapat memberi kebaikan kepada semua pekerja di negara ini. Malah, pelbagai aspek keselamatan pekerja turut dititik beratkan sehingga agensi tersebut menjadi lebih terkenal.

Kesungguhannya dalam bidang tersebut telah membolehkan beliau dianugerahkan sebagai Tokoh Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Kebangsaan 2005 daripada Majlis Negara bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Kementerian Sumber Manusia.

Lam Thye juga pernah menerima anugerah Toastmasters International Communication and Leadership daripada TI District 51 atas dedikasi dan sumbangan beliau dalam bidang pendidikan, pembangunan manusia, kesihatan, keselamatan, kemasyarakatan serta sosial dan beberapa anugerah lain.

Keikhlasan beliau memperjuangkan hal-hal masyarakat termasuklah hal-hal berkaitan keselamatan pekerja serta pencegahan jenayah tidak harus dipandang mudah kerana tugas tersebut bukanlah senang sebaliknya memerlukan keikhlasan dan kecekalan hati.

Seperkara lagi katanya, telah menjadi rutin hariannya untuk membaca akhbar bagi mengetahui perkembangan semasa yang berlaku di dalam dan luar negara dan dari situlah muncul idea-idea untuk membantu atau menghasilkan sesuatu yang baharu.

Menurut Naib Pengerusi Kanan Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF) itu, hakikatnya, masyarakat kini seiring menitti zaman dengan peredaran yang mana golongan muda terutamanya terdedah kepada pelbagai gejala sosial. Sekiranya masalah itu tidak ditangani dengan segera dan bijaksana, negara dibimbangi akan kehilangan pelapis generasi kepemimpinan pada masa akan datang.

Lam Thye berkata, setiap tugas yang dilakukannya semata-mata mahu memastikan generasi akan datang hidup dengan lebih selesa dan bukannya anugerah yang ingin dikejar. Kesungguhan insan bernama Lee Lam Thye ini sukar dicari ganti yang sanggup 'bekerja' siang dan malam semata-mata mencari kepuasan sendiri demi membantu orang lain tanpa mengira agama dan kaum.



LEE LAM THYE tidak pernah rasa penat dalam melakukan kerja-kerja kebajikan malah lebih bersemangat demi membantu orang yang memerlukan. –GAMBAR HASAN/UTUSAN